

BAB PERTAMA : MASDAR THULĀTHIY MAZID DENGAN SATU KONSONAN

1.0. Pengenalan

Masdar thulāthiy mazid dengan satu konsonan terhasil daripada kata kerja tiga huruf (thulāthiy) yang berimbuhan satu konsonan. Terdapat tiga pola kata kerja thulāthiy mazid satu konsonan. Pola-pola tersebut ialah :

- a. Pola فَعْل - imbuhan dengan gandaan konsonan kedua.
- b. Pola فَعْلَ - imbuhan hamzaq qatā` di awal kata.
- c. Pola فَاعْلَ - imbuhan alif di tengah kata.

(Ahmad al-Hamlawiy, 1965 : 38)

1.1. Masdar Thulāthiy Mazid Dengan Gandaan Konsonan Kedua

(فَعْل).

Masdar thulāthiy mazid dengan gandaan konsonan kedua terhasil daripada kata kerja thulāthiy mazid gandaan konsonan kedua. Masdar ini terhasil dalam bentuk yang berbeza mengikut kata kerja sahih dan mu'tal.

1.1.1 Aspek Pola Bagi فعل

Bagi pola فعل masdarnya dalam bentuk تَفْعِيلٌ untuk kata kerja yang lāmnya huruf sahīḥ. Contohnya : طَهَرَ (menyucikan) masdarnya تَطْهِيرٌ (penyucian).

Manakala bagi kata kerja mu'tal masdarnya dalam bentuk pola تَفْعِلَةٌ . Contohnya : زَكَّى (menyucikan) masdarnya زَكْيَةٌ (penyucian) yakni dengan membuang yā' pada pola تَفْعِيلٌ dan menggantikannya dengan tā' pada akhir perkataan تَفْعِلَةٌ . (Ahmad al-Hamlawīy, 1965 : 71)

Bagi kata kerja berhamzat di akhir kata, kebanyakan masdarnya dalam dua bentuk pola iaitu تَفْعِلَةٌ dan تَفْعِيلٌ . Contohnya : حَرَّا (membahagi-bahagikan) asalnya حَرَا (membahagi) masdarnya تَحْرِيَةٌ atau تَحْرِيَّةٌ (pembahagian). (Baha'uddin 'Abdullah, 1997 : 120)

Terdapat masdar dalam bentuk تَفْعِلَةٌ bagi kata kerja yang lāmnya huruf sahīḥ.

Contohnya حَرُوبٌ (mencuba / menguji) masdarnya تَحْرِبَةٌ (percubaan / ujian) dan ذَكْرٌ

(mengingatkan) masdarnya تَذَكِّرَةً (peringatan). (Ahmad Ḥamīwī, 1965 : 71)

Selain itu, terdapat juga masdar dalam bentuk pola فُعْلٌ bagi kategori kata kerja ini. Contohnya : كَذَابٌ (pendustaan yang sungguh-sungguh). Sepertimana firman Allah S.W.T : وَكَذَبُوا بِآيَاتِنَا كَذَابٌ (dan mereka telah mendustakan dengan sesungguh-sungguhnya akan ayat-ayat keterangan kami). (Surah An-Naba', ayat 28). Sebahagian Qari (pembaca Quran lelaki. Dipetik dari Kamus Dewan edisi ketiga 1996) membaca dengan meringankan baris konsonan 'ain pada كَذَابٌ seperti وَكَذَبُوا بِآيَاتِنَا كَذَابٌ .

(Baha'uddin 'Abdullah , 1997: 119)

Namun begitu, walaupun terdapat pola masdar yang berhasil daripada kata kerja ini selain dari تَفْعِيلٌ ianya adalah pola yang tidak terdapat di dalam kaedah morfologi bahasa Arab tetapi didengar daripada pertuturan orang Arab yang dikenali sebagai *samā'īy* (universe of statements). (Muṣṭafā al- Ghalāyīnīy, 1995 : 168).

1.1.1.1 Pola فُعْلٌ Bagi Kata Kerja Sahīh .

Kata kerja sahīh ialah kata kerja yang tidak mempunyai sebarang huruf 'illat. (Baha'uddin 'Abdullah, 1997 : 560). Huruf 'illat tersebut ialah alif, wāw dan yā'.

Terdapat tiga jenis kata kerja sahīh bagi kata kerja imbuhan dengan gandaan konsonan kedua iaitu :

- i. Kata kerja yang lāmnya huruf sahīh (صَحِيحٌ سَالِمٌ)
 - ii. Kata kerja gandaan konsonan tengah (مُضَاعِفٌ)
 - iii. Kata kerja berhamzat (مَهْمُوزٌ)
- a. Pola فَعْلٌ bagi kata kerja yang lāmnya huruf sahīh. (صَحِيحٌ سَالِمٌ)

Kata kerja yang lāmnya huruf sahīh atau dikenali sebagai sahīh sālim ialah kata kerja yang tiada hamzat, gandaan konsonan dan huruf 'illaṭ pada asal kata akarnya.

(Baha'uddin 'Abdullah, : 1997 : 560) Contohnya :

<u>Kata Akar</u>	<u>Pola</u> فَعْلٌ	<u>Masdar</u>	<u>Pola Masdar</u>
بَدَلٌ	بَدَلٌ	تَبَدِيلٌ	تَفْعِيلٌ

(menukar / (menggantikan) (Penggantian)
mengganti)

b. Pola فَعْلٌ bagi kata kerja gandaan konsonan tengah (مُضَاعِفٌ)

Kata kerja gandaan konsonan tengah ialah kata kerja yang mempunyai dua konsonan yang sama di tengah dan di akhir kata yang dikenali sebagai *mudā'af*.
(Baha'uddin 'Abdullah, 1997 : 560) Contohnya :

<u>Kata Akar</u>	<u>Pola فَعْلٌ</u>	<u>Masdari</u>	<u>Pola Masdar</u>
فِرْ	فَرَّ	فَرَّمَ	فَرَّمَلْ
(tinggal / bertempat)	(menetapkan / menguatkan)	(ketetapan / kenyataan)	

c. Pola فَعْلٌ bagi kata kerja berhamza (مَهْمُوزٌ)

Kata kerja berhamza atau dalam bahasa Arabnya dikenali sebagai *māhmūz* ialah kata kerja yang mempunyai hamza pada asal kata kerja. (Baha'uddin 'Abdullah, 1997:560) Terdapat tiga jenis kata kerja berhamza bagi kata kerja imbuhan dengan gandaan konsonan kedua iaitu :

- i. Kata kerja berhamza di awal . (المَهْمُوزُ الْفَاءُ)
- ii. Kata kerja berhamza di tengah. (المَهْمُوزُ الْعَيْنُ)
- iii. Kata kerja berhamza di akhir . (المَهْمُوزُ الْأَلْمُ)

i. Kata kerja berhamzat di awal

Kata kerja berhamzat di awal ialah kata kerja yang mempunyai hamzat di awal kata. Contohnya :

<u>Kata Akar</u>	<u>Pola</u> فَعْلٌ	<u>Masdar</u>	<u>Pola Masdar</u>
أَحْلٌ	أَجْلٌ	تَأْجِيلٌ	تَفْعِيلٌ
(lambat / tangguh)	(melewatkkan / menangguhkan)	(penangguhan)	

ii. Kata kerja berhamzat di tengah

Kata kerja berhamzat di tengah ialah kata kerja yang mempunyai hamzat di tengah kata. Contohnya :

<u>Kata Akar</u>	<u>Pola</u> فَعْلٌ	<u>Masdar</u>	<u>Pola Masdar</u>
رَأْسٌ	رَأْسٌ	تَرْئِيسٌ	تَفْعِيلٌ
(mengetuai)	(memimpin)	(pimpinan)	

iii. Kata kerja berhamzat di akhir

Kata kerja berhamzat di akhir ialah kata kerja yang mempunyai hamzat di akhir kata. Contohnya :

<u>Kata Akar</u>	<u>Pola فعل</u>	<u>Masdar</u>	<u>Pola Masdar</u>
جزأ	جزء	تجزيء / تجزئة	تُجْزِيْل / تَفْعِلَة
(membahagi)	(membahagi - bahagikan)	(pembahagian)	

1.1.1.2. Pola فعل Bagi Kata Kerja Mu'tal.

Kata kerja mu'tal ialah kata kerja yang mempunyai huruf 'illaț sama ada satu atau lebih pada asal kata kerja (Baha'uddin 'Abdullah, 1997 : 560). Terdapat lima jenis kata kerja mu'tal iaitu :

- i. Mu'tal awal (المُكَال)
 - ii. Mu'tal tengah (الْأَخْوَف)
 - iii. Mu'tal akhir (الْأَنْاقِص)
 - iv. Mu'tal awal dan akhir (الْأَفْيَفُ الْمَفْرُوقُ)
 - v. Mu'tal tengah dan akhir (الْأَفْيَفُ الْمَقْرُونُ)
- a. Pola فعل bagi kata kerja mu'tal awal

Kata kerja mu'tal awal ialah kata kerja yang mempunyai huruf 'illaț di awal kata. Contohnya:

<u>Kata Akar</u>	<u>Pola فَعْل</u>	<u>Masdar</u>	<u>Pola Masdar</u>
وَحدَة	وَحْدَة	نَوْجِيدْ	تَفْعِيلْ
(tunggal)	(menyatukan)	(penyatuan)	

b . Pola فَعْل bagi kata kerja mu'tal tengah

Kata kerja mu'tal tengah ialah kata kerja yang mempunyai huruf 'illaṭ di tengah kata. Contohnya :

<u>Kata Akar</u>	<u>Pola فَعْل</u>	<u>Masdar</u>	<u>Pola Masdar</u>
كَلَّا	كَلَّرْ	تَكْلِيرْ	تَفْعِيلْ
(menyala / menerangi)	(menyinari)	(penerangan / penyinaran)	

c. Pola فَعْل bagi kata kerja mu'tal akhir

Kata kerja mu'tal akhir ialah kata kerja yang mempunyai huruf 'illaṭ di akhir kata. Contohnya :

<u>Kata Akar</u>	<u>Pola فَعْل</u>	<u>Masdar</u>	<u>Pola Masdar</u>
------------------	-------------------	---------------	--------------------

أَدَى

أَدَى

تَأْدِيَة

تَفْعِلَة

(menunai /

(menunaikan)

(penunaian /

membayar)

pembayaran)

d. Pola فَعْل bagi kata kerja mu'tal awal dan akhir

Kata kerja mu'tal awal dan akhir ialah kata kerja yang mempunyai huruf 'illat di awal dan di akhir kata. Contohnya :

<u>Kata Akar</u>	<u>Pola فَعْل</u>	<u>Masdar</u>	<u>Pola Masdar</u>
------------------	-------------------	---------------	--------------------

وَدَى

وَدَى

تَوْدِيَة

تَفْعِلَة

(mengalir)

(mengirimkan /
menghantar)

(pengiriman)

e. Pola فَعْل bagi kata kerja mu'tal tengah dan akhir

Kata kerja mu'tal tengah dan akhir ialah kata kerja yang mempunyai huruf 'illat di tengah dan di akhir kata. Contohnya :

<u>Kata Akar</u>	<u>Pola</u> <i>فَعْلٌ</i>	<u>Masdar</u>	<u>Pola Masdar</u>
حَيِّ	حَيَا	تَحْمِيَةٌ	تَفْعِلَةٌ
(hidup)	(memberi penghormatan)	(penghormatan)	

1.1.1.3. Kesimpulan

Pola masdar thulāthiy mazid dengan gandaan konsonan kedua daripada kata kerja şahîli ialah *تَفْعِيلٌ* dan bagi kata kerja mu'tal ialah *تَفْعِلَةٌ* manakala bagi kata kerja berhamza at di akhir dalam dua bentuk pola tersebut.

Bagi kata kerja yang masdarnya dalam bentuk pola *تَفْعِلَةٌ* dibahagikan kepada tiga bahagian. Pertamanya ialah kata kerja mu'tal yang wajib didatangkan dalam bentuk pola ini. Contohnya : *رَكِيَّ* (menyucikan) masdarnya *رَكْيَةٌ* (penyucian). Kedua, kata kerja berhamza at di akhir yang kebanyakannya didatangkan dalam bentuk pola ini. Contohnya : *جَزَّا* (membahagi-bahagikan) asalnya *جَزَّا* (membahagi) masdarnya *جَزْرَى* atau *تَحْزِيزٌ* (pembahagian) dan ketiga, kata kerja yang jarang wujud (*nâdir*)

dalam bentuk pola ini iaitu kata kerja yang lâmnya huruf sahîh. Contohnya **جَرَّبَ**

(mencuba / menguji) masdarnya **تَجْرِيَةً** (percubaan / ujian). (Baha'uddin 'Abdullah,

1997 : 120)

Terdapat juga pola masdar **تَفْعِيلٌ** bagi kata kerja mu'tal tetapi ia jarang berlaku (*nâlîr*) dan kebiasaannya diambil daripada pertuturan orang Arab (universe of statements). Contohnya : **وَجَدَ** (menyatukan) masdarnya terbentuk kepada pola **تَوْجِيدٌ** (penyatuan) dan **جَرَّى** (menyinari) masdarnya terbentuk kepada pola **تَسْجِيرٌ** (penyinaran). (Baha'uddin 'Abdullah, 1997 : 120)

Manakala dari aspek perubahan konsonan pula terdapat pada kerja mu'tal tengah. Contohnya : **نُورٌ** (menyinari) masdarnya **تَشْوِيرٌ** (penerangan / penyinaran) dari kata akarnya **نَارٌ** (menyalा / menerangi) asalnya **نَوْرٌ**. Wâw ditengah digantikan dengan alif kerana kesesuaianya dengan baris fatḥat.

Begitu juga bagi kata kerja mu'tal akhir serta mu'tal awal dan akhir, contohnya : **أَدَى** (menunaikan) masdarnya **تَأْدِيَةً** (penunaian / pembayaran) dari kata akarnya **أَدَرٌ** (menunai / membayar) asalnya **أَدَرٌ** dan **وَدَى** (mengirimkan / menghantar) masdarnya

نُوْدَيْ (pengiriman) dari kata akarnya وَدَى (mengalir) asalnya. Penggantian huruf ‘illa^l wāw dan yā’ diakhir kepada alif ini berlaku sekiranya huruf ‘illa^l tersebut mempunyai baris asal dan huruf sebelumnya berbaris fatḥat. (Muṣṭafā al-Ghalāyīnīy , 1995 : 106).

Jadual 1.1

KATA KERJA THULĀTHIY MAZID SATU KONSONAN POLA فعل DAN MASDAR

Kategori Kata Kerja	Kata Akar	K/K Thulāthiy Mazid	Masdar
1) Sahīh	فعل	ثُلَاثِيَّ مَذِيدٌ سُكُونٌ فَعْلٌ	سُكُونٌ فَعْلٌ
Sahīh Sālim	بَذَلٌ	بَذَلٌ	تَبَذِيلٌ
Gandaan Konsonan Tengah	قَرْ	قَرْ	تَقْرِيرٌ
Mahmūz Awal	أَجْلٌ	أَجْلٌ	تَأْجِيلٌ
Mahmūz Tengah	رَأْسٌ	رَأْسٌ	تَرْئِيسٌ
Mahmūz Akhir	جَزْأٌ	جَزْأٌ	تَحْزِيزٌ
2) Mu'tal			
Mu'tal Awal	وَحْدَ	وَحْدَ	تَوْحِيدٌ
Mu'tal Tengah	نَارٌ	نَورٌ	تَنْوِيرٌ
Mu'tal Akhir	أَدَى	أَدَى	تَأْدِيَةٌ
Mu'tal Awal dan Akhir	وَدَى	وَدَى	تَوْدِيَةٌ
Mu'tal Tengah dan Akhir	حَيَّ	حَيَّ	تَحْيَيَةٌ

1.1.2. Aspek Semantik Bagi فَعْل

Pengimbuhan dalam bentuk gandaan konsonan kedua فَعْل bertujuan menghasilkan makna-makna baru. Ini kerana apabila diimbuhkan dengan gandaan konsonan kedua, semantiknya berubah daripada asal kata kerja. Contohnya خرج memberi makna **telah keluar** dan خرج membawa maksud **mengeluarkan**, yakni berbeza maknanya daripada makna asal kata kerja. Aspek semantik kata kerja bagi pola ini adalah beraneka dan berbeza-beza mengikut situasi penggunaan sesuatu ayat. Oleh yang demikian, penulis cuba menghuraikan aspek semantik yang terhasil daripada pola ini seperti di bawah.

1.1.2.1. Pentransitifan (التَّعْدِيَةُ)

Ia bermaksud mentransitifkan kata kerja yang tak transitif. Dengan imbuhan berbentuk gandaan konsonan kedua, maka kata kerja yang hanya perlu kepada pelaku (kata kerja *lāzim* / complete verb) akan berubah kepada kata kerja yang memerlukan pelaku dan objek (kata kerja *muta'addiy*). Contohnya : خرجت من المدرسة (Saya telah mengeluarkannya daripada sekolah). Kata kerja خرج yang memberi erti **mengeluarkan** memerlukan objek (*maf'ūl bih* / direct object) yakni **mengeluarkan seseorang** daripada sekolah. Sekiranya imbuhan gandaan konsonan kedua kata kerja ini digugurkan menjadi خرجت (saya telah keluar) maka kata kerja ini berubah semantiknya dan tidak memerlukan kepada objek (*maf'ūl bih*).

Dalam hal ini, Sibawayh menyatakan bahawa pola فَعْل berkongsi semantiknya dengan pola أَفْعَلْ. Contohnya : فَرَحَتْهُ أَوْ أَفْرَحَتْهُ ertiinya (saya menggembirakannya).

Namun begitu, Sibawayh menyatakan kegunaan pola أَفْعَل lebih banyak digunakan dampada pola فَعْل dalam bab ini. (Sibawayh, t.t : 55)

1.1.2.2. Memperbanyak (التكثير).

Bagi makna *al-takthir* ini, ia terbahagi kepada tiga iaitu :

1. *al-Takthir* pada perbuatan atau pekerjaan. (التكثير في الفعل)

Ia bermaksud memperbanyak sesuatu perbuatan atau pekerjaan ataupun menyatakan perbuatan yang dilakukan secara berulang kali. Ianya digunakan pada kata kerja yang memerlukan kepada objek (مُتَعَدِّي). Contohnya : قطعتُ التوب (saya memotong-motongkan baju). Perkataan قطع (memotong-motong) berasal daripada

قطع (memotong) iaitu imbuhan dengan gandaan konsonan kedua menunjukkan perbuatan potong berlaku berkali-kali.

2. *al-Takthir* pada objek. (التكثير في المفعول)

Ia bermaksud menyatakan objek yang berbilang-bilang secara serentak.

Contohnya : غلقَتُ الأبوابَ (saya menutup pintu-pintu itu). Yakni banyak pintu yang

ditutup. Perkataan غلقَ (menutup) berasal daripada غلقَ (tutup).

3. *al-Takthir* pada pelaku. (الشَّكْبِيرُ فِي الْفَاعِلِ)

Ia bermaksud menyatakan pelaku yang berbilang-bilang secara serentak.

Contohnya: مَوْتَتُ الْإِبَلُ (sekumpulan unta itu telah mati). Yakni banyak unta yang

telah mati. Perkataan موتَ (banyak yang mati) berasal daripada ماتَ (mati).

(Ahmad al-Hamlawi, 1965 : 43)

Terdapat pendapat yang menyatakan bahawa pola فعل berkongsi semantiknya

dengan pola أَغْلَقْتُ الْأَبْوَابَ وَغَلَقْتُهَا : (saya menutup pintu-pintu itu dan

menguncinya) (Muhammad Yusriy Za'ir, 1989 : 240)

Namun begitu, penggunaan pola فعل lebih banyak digunakan untuk tujuan memperbanyakkan. Ini dikuatkan lagi dengan pendapat Sibawayh yang menyatakan pola فعل adalah khusus untuk tujuan memperbanyakkan. Contohnya apabila kita hendak

menyatakan perbuatan yang berulang-ulang seperti : (saya telah

memecah-mecahkannya dan memotong-motongnya). (Sibawayh, t.t : 64).

Sebagaimana firman Allah S.W.T : "جَنَّاتٌ عَدْنٌ مُفَتَّحَةٌ لِمَنِ الْأَبْرَابْ" bermaksud :

(syurga-syurga, yang semua pintunya terbuka luas untuk mereka). (Surah Saad ayat 50).

Oleh yang demikian, pola فَعْلَ lebih banyak digunakan untuk tujuan memperbanyak berbanding pola أَفْعَلَ.

1.1.2.3. Mengaitkan sesuatu dengan asal kata kerja (النَّسْبَة)

Ia bermaksud menyifatkan sesuatu dengan sesuatu sifat yang dikaitkan dengan kata kerja atau dengan adanya penambahan *prefix* "men", "meng" dan "mem" menjadikan atau menempatkan seseorang ke suatu sifat tertentu. Contohnya : كَفَرَ

(saya telah mengkafirkannya) yang diambil daripada perkataan كَفَرَ (telah menjadi kafir).

Sibawayh menyatakan pada contoh : حَطَّلَهُ (saya telah menyalahkannya)

digunakan apabila kita bermaksud menyatakan ia orang yang bersalah (مُخْطَلًا). Begitu juga dengan contoh : فَسَدَهُ (saya telah memfasikkannya) yakni menyatakan seseorang itu menjadi fasik. (Sibawayh, t.t : 58)

1.1.2.4. Menghilangkan / menghapuskan (السُّلْب)

Ia bermaksud menghilangkan sesuatu pada sesuatu benda yang lain.

Contohnya: فَشَرَتْ الفاكهة (saya telah mengupas kulit buah itu). Perkataan

(mengupas kulit) diambil daripada kata nama (القشر) (kulit). Imbuhan gandaan

konsonan kedua pada kata kerja ini memberi makna membuang kulit pada buah tersebut. (Muhammad Yusriy Za'ir, 1989 : 242)

1.1.2.5. Menjadikan pelaku seperti asalnya (صِيرُورَةُ الشَّيْءِ ذَا أَصْلِهِ)

Ia bermaksud menjadikan pelaku seperti sifat asalnya. Contohnya: وَرْقُ الشَّجَرِ :

(pohon itu berdaun) yakni menjadikan pokok itu penuh dengan daun. Perkataan

(berdaun) diambil daripada kata nama (الورق) (daun kayu) dan (luka itu

بَرْنَاه) yakni menjadikan luka itu bernanah. Perkataan (بَرْنَاه) diambil

daripada kata nama (النَّاهِي) (nanah) . (Ibid, 1989 : 243)

1.1.2.6. Menjadikan pelaku dengan sifat yang diambil daripada pecahan kata kerja.

(صِيرُورَةُ الْفَاعِلِ إِلَى مَا اشْتَقَ مِنْهُ الْفِعْلِ)

Ia bermaksud menjadikan pelaku (al-fā'il / subject) ke suatu sifat yang di

ambil daripada pecahan kata kerja (derivasi). Contohnya : رَوْضَةُ الْمَكَانِ (tempat itu

لَهَا تَحْتَهُ الْمَكَانُ). Yakni tempat itu telah menjadi sebuah taman. Perkataan رَوْضَةُ

(menjadi taman) adalah daripada pecahan kata asalnya (taman).

Contohnya lagi, عَجَزَتُ الْمَرْأَةُ (perempuan itu لَهَا تَحْتَهُ) yakni perempuan itu

telah menjadi tua. Perkataan عَجَزٌ (menjadi tua) adalah pecahan dari kata asalnya

الْعَجُوزُ (orang tua). (Muhammad Yusriy Za'ir, 1989 : 243)

1.1.2.7. Melakukan sesuatu apabila tiba masanya. (عَمِلَ الشَّيْءَ فِي الْوَقْتِ)

Ianya bermaksud perbuatan atau pekerjaan yang dilakukan setelah tiba waktunya. Contohnya: هَجَرَ الْقَوْمُ (Kaum itu berjalan setelah masuk waktu tengahari)

asalnya هَجَرَ (berhijrah / meninggalkan). Imbuhan dengan gandaan konsonan kedua

memberi makna mereka memulakan perjalanan apabila tiba waktu tengahari / waktu zohor. (سَارُوا فِي الْهَاجِرَةِ).

Begitu juga dengan contoh, صَبَّحَ الْقَوْمُ (Kaum itu datang setelah masuk waktu

سَبَّحُ) asalnya الصَّبَّاحُ (awal pagi). Imbuhan gandaan konsonan kedua membawa

maksud mereka datang apabila tiba waktu subuh (أَتَاهُمْ فِي الصَّبَّاحِ). (Muhammad

1.1.2.8. Menunjukkan kepada arah tuju sesuatu perjalanan. (التَّوَجُّهُ إِلَى الشَّيْءِ)

Ia bermaksud apabila kita hendak menyatakan arah tuju ataupun haluan perjalanan. Contohnya : كُوفَّ (dia telah ke Kufah) daripada kata nama الكوفة (bandar Kufah). Apabila diimbuhkan gandaan konsonan kedua, ia membawa makna dalam perjalanan ke Kufah. Begitu juga dengan contoh فَرَّ (dia sedang menuju ke arah kejayaan) asalnya فَازَ (berjaya). Imbuhan gandaan konsonan kedua memberi makna menuju ke arah kejayaan. (Ibid, 1989 : 243)

1.1.2.9. Menyamakan pelaku dengan sesuatu yang menjadi punca derivasi (مُشَابَهَةُ الْفَاعِلِ لِمَا اشْتَقَ مِنْهُ الْفِعْلِ)

Ia bermaksud menyamakan pelaku dengan sesuatu yang diambil daripada kata kerjanya. Contohnya : قُوَسُ الشَّيْخِ (orang tua itu seperti busur panah) asalnya daripada kata nama القرْسُ (busur panah). Imbuhan gandaan konsonan kedua pada kata kerja ini memberi makna memperumpamakan orang tua itu bongkok seolah-olah seperti busur panah yang melengkong.

Contoh yang lain pula, حَجَرُ الطِّينِ (tanah itu menjadi keras seperti

batu) diambil daripada kata nama الحَرَجُ (batu). Imbuhan pada kata kerja ini bermaksud menyamakan tanah seperti batu (keras). (Muhammad Yusriy Za'ir, 1989 : 243)

1.1.2.10. Meringkaskan / memendekkan susunan ayat. (اختصار حكایة)

Ia berimaksud meringkaskan atau memendekkan susunan ayat yang terbentuk daripada kata kerja. Contohnya : سَخَّ bermaksud (dia telah berkata subhānallāh) asalnya السَّيْخُ (lapang). Ianya menjadi ringkasan daripada perkataan subhānallāh yang bermaksud maha suci Allah setelah diimbuhkan dengan gandaan konsonan kedua. (Ibid, 1989 : 243)

Jadual 1.2

SEMANTIK KATA KERJA THULĀTHIY MAZID SATU KONSONAN POLA فعل

Bil	Aspek semantik kata kerja	Contoh Ayat
1	Pentransitifan (التعدية)	<u>خَرَجْتُهُ مِنَ الْمَدْرَسَةِ</u> (saya telah mengeluarkannya daripada sekolah)
2	Memperbanyakkan (التكثير)	<u>قَطَعْتُ الثُوبَ</u> (saya memotong-motongkan baju)
3	Mengaitkan sesuatu dengan asal kata kerja (النسبة)	<u>كَفَرْتُهُ</u> (saya telah mengafirkannya)
4	Menghilangkan sesuatu (السلب)	<u>قَشَرْتُ الْفَاكِهَةَ</u> (saya telah mengupas kulit buah)

Jadual 1.2 (sambungan)

5	Menjadikan pelaku seperti asal (صَيْرُورَةُ الشَّيْءِ ذَا أَصْلَهُ) (الفعل)	وَرَقَ الشَّجَرِ (pohon itu berdaun)
6	Menjadikan pelaku dengan sifat yang diambil daripada pecahan kata kerja (صَيْرُورَةُ الْفَاعِلِ إِلَى مَا أَشْتَقَ مِنْهُ)	رَوْضَ الْمَكَانِ (tempat itu telah menjadi taman)
7	Melakukan sesuatu apabila tiba masanya (عَمِلَ الشَّيْءَ فِي الْوَقْتِ)	هَجَرَ الْقَوْمُ (Kaum itu berjalan setelah masuk waktu tengahari)
8	Menunjukkan kepada arah tuju perjalanan (التَّوْجِهُ إِلَى الشَّيْءِ)	كَوْفَ
9	Menyamakan pelaku dengan sesuatu (مُشَابِهَةُ الْفَاعِلِ لِمَا أَشْتَقَ مِنْهُ)	قُوْسُ الشَّيْخِ (orang tua itu seperti busur panah)
10	Meringkaskan susunan ayat (اخْتَصَارُ الْحَكَايَةِ)	سَبَحَ

1.2. Masdar Thulāthīy Mazīd Dengan Imbuhan Hamzat Qaṭa' Di Awal Kata (أفعال).

Masdar thulāthīy mazīd dengan imbuhan hamzat qaṭa' di awal kata terhasil daripada kata kerja thulāthīy mazīd berimbuhan hamzat qaṭa' di awal. Masdar ini terhasil dalam bentuk yang berbeza mengikut jenis kata kerja saḥīḥ dan mu'tal.

1.2.1 Aspek Pola Bagi أفعال

Masdar bagi pola أفعال terbentuk kepada pola إفعال bagi kata kerja saḥīḥ.

Contohnya: أَكْرَمٌ (memuliakan) terbentuk kepada إِكْرَامٍ (kemuliaan) dan أَخْرَجٌ

(mengeluarkan) terbentuk kepada إِخْرَاجٍ (pengeluaran).

Sekiranya kata tersebut terdapat huruf 'illaț di tengah, polanya berubah kepada إِقْلَامٌ . Contohnya : إِقْلَامٌ (mengerjakan / melaksanakan) masdarnya ialah إِقْلَامَةٌ (perlaksanaan) asalnya إِقْوَاماً iaitu dengan memindahkan baris fathat pada wāw kepada qāf di awal, kemudian digantikan wāw dengan alif. Seterusnya, digugurkan alif yang kedua kerana bertemunya dua sukun serta digantikan dengan tā' ta'nith di akhir kata. (Bahā'uddin 'Abdullah, 1997 : 121)

Perubahan ini berlaku pada masdar thulāthiy mazid yang huruf 'illațnya di tengah kata (المُتَّلِّهُ الْعَيْنُ) sama ada huruf 'illaț tersebut wāw atau yā'. Ia dinamakan sebagai gantian tā' ta'nith bagi konsonan tengah kata yang digugurkan. (Muhammad Yusriy Za'ir, t.t: 38)

Istilah gantian (العَوْضُ) ini merupakan pengguguran salah satu konsonan pada satu perkataan dan kemudian digantikan dengan konsonan lain di kedudukan yang berlainan. Contohnya نَجْزٌ (kadar timbangan) asalnya نَجْزٌ iaitu konsonan wāw di awal digugurkan dan digantikan dengan tā' ta'nith di akhir kata. (Muhammad Yusriy Za'ir, 1987 : 5)

1.2.1.1. Pola أَفْعَلٌ Bagi Kata Kerja Sahīḥ.

Kata kerja sahīḥ berimbahan hamzat qaṭa' dikategorikan kepada tiga iaitu :

- i. Kata kerja yang lāmnya huruf sahīḥ
- ii. Kata kerja gandaan konsonan tengah
- iii. Kata kerja berhamzat

a. Pola أَفْعَلٌ bagi kata kerja yang lāmnya huruf sahīḥ. Contohnya:

<u>Kata Akar</u>	<u>Pola أَفْعَلٌ</u>	<u>Masdar</u>	<u>Pola Masdar</u>
ثَبَتَ	أَنْبَتَ	إِنْبَاتٌ	إِفْعَالٌ

(tetap) (menetapkan) (ketetapan)

b. Pola أَفْعَلٌ bagi kata kerja gandaan konsonan tengah . Contohnya :

<u>Kata Akar</u>	<u>Pola أَفْعَلٌ</u>	<u>Masdar</u>	<u>Pola Masdar</u>
حَبَّ	أَحَبَّ	إِحْبَابٌ	إِفْعَالٌ

(suka) (menyukai) (kesukaan)

c. Pola أَفْعَلٌ bagi kata kerja berhamzat.

Kata kerja berhamzat bagi pola berimbahan hamzat qaṭa' di awal dikategorikan kepada tiga iaitu :

- i. Kata kerja berhamza^ت di awal
- ii. Kata kerja berhamza^ت di tengah
- iii. Kata kerja berhamza^ت di akhir

i. Kata kerja berhamza^ت di awal. Contohnya :

<u>Kata Akar</u>	<u>Pola</u> أَفْعَلُ	<u>Masdar</u>	<u>Pola Masdar</u>
أَذِنٌ	آذَنْ	إِذْنٌ	إِفْعَالٌ
(mengizinkan)	(memberitahu)	(pemberitahuan)	

ii. Kata kerja berhamza^ت di tengah. Contohnya :

<u>Kata Akar</u>	<u>Pola</u> أَفْعَلُ	<u>Masdar</u>	<u>Pola Masdar</u>
أَتَرُ	أَتَرْ	إِتَّارٌ	إِفْعَالٌ
(bunuh)	(membunuh / mematikan)	(pembunuhan)	

iii. Kata kerja berhamzat di akhir. Contohnya :

<u>Kata Akar</u>	<u>Pola أفعَل</u>	<u>Masdar</u>	<u>Pola Masdar</u>
خطٰيءٰ	أخطٰأ	إِخْطَاءٌ	إِفْعَالٌ

(bersalah) (menyalahkan) (kesalahan)

1.2.1.2. Pola أفعَل Bagi Kata Kerja Mu'tal.

Kata kerja mu'tal bagi kata kerja berimbuhan hamzat qā'a' di awal dikategorikan kepada lima iaitu :

- i. Mu'tal awal
- ii. Mu'tal tengah
- iii. Mu'tal akhir
- iv. Mu'tal awal dan akhir
- v. Mu'tal tengah dan akhir

a. Pola أفعَل bagi kata kerja mu'tal awal. Contohnya:

<u>Kata Akar</u>	<u>Pola أفعَل</u>	<u>Masdar</u>	<u>Pola Masdar</u>
وَحْشٌ	أُوْحَشَنْ	إِبْحَاشٌ	إِفْعَالٌ

(takut) (mengosongkan) (kekosongan)

b. Pola **أَفْعَل** bagi kata kerja mu'tal tengah. Contohnya :

<u>Kata Akar</u>	<u>Pola</u> أَفْعَل	<u>Masdar</u>	<u>Pola Masdar</u>
قام	أَفَّام	إِقَامَة	إِفَالَة
(bangun)	(mengerjakan / melaksanakan)	(perlaksanaan)	

c. Pola **أَفْعَل** bagi kata kerja mu'tal akhir. Contohnya :

<u>Kata Akar</u>	<u>Pola</u> أَفْعَل	<u>Masdar</u>	<u>Pola Masdar</u>
رأى	أَرْأَى / أَرَى	إِرْأَاء / إِرَاءَة	إِفَالَة / إِفْعَال
(melihat)	(melihat)	(penglihatan)	

d. Pola **أَفْعَل** bagi kata kerja mu'tal awal dan akhir. Contohnya :

<u>Kata Akar</u>	<u>Pola</u> أَفْعَل	<u>Masdar</u>	<u>Pola Masdar</u>
وصى	أُوصَى	إِيْصَاء	إِفْعَال
(berwasiat / berwaris)	(mewasiatkan / mewariskan)	(perwarisan)	

e. Pola **أفعَل** bagi kata kerja mu'tal tengah dan akhir. Contohnya :

<u>Kata Akar</u>	<u>Pola</u> أفعَل	<u>Masdar</u>	<u>Pola Masdar</u>
حَيٌّ	أَحْيَا	إِحْيَاءٌ	إِفْعَالٌ
(hidup)	(menghidupkan)	(kehidupan)	

1.2.1.3 Kesimpulan

Daripada contoh-contoh di atas, pola masdar **إفعَال** dikhususkan kepada kata kerja sahīlī dan mu'tal kecuali pada kata kerja mu'tal tengah. Contohnya : **أقام** (mengerjakan / melaksanakan) daripada kata akarnya **قَاعٍ** (bangun) masdarnya dalam bentuk **إِقْالَة** (perlaksanaan) bagi pola **إِفْعَالٌ**.

Bagi kata kerja mu'tal akhir terdapat perkataan yang mempunyai dua pola masdarnya iaitu **أَرَى** dan **إِفْعَالٌ** seperti contoh : **أَرَى** (melihat) asalnya **أَرْأَى** dari pada kata kerja akar **أَرَى** (melihat). Baris fathat pada hamzat kedua dipindahkan kepada rā'. Kemudian hamzat tersebut digugurkan kerana bertemuinya dua sukun. (Anṭawān al-Daḥdāḥ, 1991 : 284). Masdarnya sama ada dalam bentuk pola **إِرَاءَة** (penglihatan) bagi

wazan **إِفْعَالٌ** ataupun **إِرَاءَةٌ** bagi wazan **إِفْعَالٌ**. Hamza \dot{t} di tengah yang digugurkan adalah *qiyāsiy* (terdapat dalam kaedah / analogy) pada kata kerja dan masdar serta pada sebahagian besar dari kata pecahan (Musytaqāt / derivation).

(Fakhruddin Qabāwāt, 1994 : 136)

Manakala bagi kata kerja mu'tal awal terdapat gantian huruf pada masdar kata kerja. Contohnya : **إِبْحَاشٌ** (mengosongkan) masdarnya (kekosongan) asalnya **إِبْحَاشٌ**. Wāw digantikan dengan ya' kerana terdapat baris kasrat sebelumnya. Ia dinamakan sebagai penggantian huruf 'illa \dot{t} (**الإِعْلَالُ بِالْقَلْبِ**). (Muṣṭafā al-Ghalāyīnīy, 1995 : 107)

Begitu juga bagi kata kerja mu'tal awal dan akhir serta kata kerja mu'tal tengah dan akhir, contohnya : **إِبْصَارٌ** (mewasiatkan / mewariskan) masdarnya **إِبْصَارٌ** (perwarisan) dan **أَحْيَا** (menghidupkan) masdarnya (kehidupan) iaitu dengan menggantikan alif maqṣūrat di akhir kepada hamza \dot{t} . Ini kerana, biasanya hamza \dot{t} dan huruf 'illa \dot{t} saling berganti sekiranya huruf 'illa \dot{t} berada di akhir dan huruf sebelumnya adalah alif yang ditambah (**أَلِفٌ زَانَةٌ**). Ia dinamakan sebagai penggantian huruf 'illa \dot{t} kepada hamza \dot{t} (**الإِعْلَالُ فِي الْهَمْزَةِ**). (Aḥmad al-Hamlāwīy, 1965 : 145)

Jadual 1.3

KATA KERJA THULĀTHIY MAZID SATU KONSONAN POLA **أَفْعَلْ**
DAN MASDAR

Kategori Kata Kerja	Kata Akar	K/ K Thulāthiy Mazid	Masdar
1) Şahîh	فعل	Thulāthiy Mazid Satu Konsonan أَفْعَلْ	إِفْعَالْ
Şahîh Sâlim	ثبت	ثبَتْ	إِثْبَاتْ
Gandaan Konsonan Tengah	حب	أَحَبْ	إِحْبَابْ
Mahmûz Awal	أذن	أَذْنَ	إِذْنَانْ
Mahmûz Tengah	ثأر	أَثْأَرْ	إِثْأَرْ
Mahmûz Akhir	خطئ	أَخْطَأْ	إِخْطَاء
2) Mu'tal			
Mu'tal Awal	وحش	أُوْحَشْ	إِبْحَاشْ
Mu'tal Tengah	قام	أَقَامْ	إِقَامَة
Mu'tal Akhir	رأى / أرى	أَرْأَى / أَرَى	إِرَاءَة
Mu'tal Awal dan Akhir	وصي	أَوْصَى	إِبْصَاء
Mu'tal Tengah dan Akhir	حي	أَحْيَا	إِحْيَاء

1.2.2. Aspek Semantik Bagi Pola (الفعل)

Aspek semantik bagi kata kerja imbuhan hamza^ت qaṭa' di awal bertujuan menghuraikan makna-makna yang terkandung dalam pola ini. Ini kerana, apabila diimbuhkan dengan imbuhan hamza^ت qaṭa' di awal semantiknya berubah daripada asal kata kerja. Contohnya كرم bermaksud **mulia** sekiranya kita mengatakan أكرم ianya

berubah daripada asal kata kerja yang bermaksud **memuliakan**. Aspek semantik bagi kata kerja ini adalah pelbagai dan berbeza-beza mengikut situasi penggunaannya. Oleh yang demikian, penulis cuba menghuraikan semantik yang terhasil dari pola ini seperti di bawah.

1.2.2.1. Pentransitifan (التعدية)

Ia bermaksud, menjadikan kata kerja tak transitif (الفعل اللازم) kepada kata kerja transitif (الفعل المتعدي). Dengan kata yang lainnya, hamza^ت *ta'dīl* pada pola **فعل** boleh mentransitifkan kata kerja yang tak transitif. Ini bererti, dengan mengimbuahkan hamza^ت qaṭa' pada pola **فعل** maka kata kerja yang hanya perlu kepada pelaku akan berubah kepada kata kerja yang memerlukan pelaku (*al-fa'il* / subject) dan objek (*maf'a'il bih*). Contohnya: أقمت زيداً (saya telah membangunkan Zaid). Asalnya قام (bangun). (Ahmad al- Ḥamlāwīy, 1965 : 41)

Oleh yang demikian, kata kerja أَفْعَتُ telah memberi kesan kepada زَيْدًا sebagai objek (*maf'ūl bih*). Sekiranya kita menyatakan قَامَ زَيْدٌ (Zaid telah bangun) maka kata kerja قَامَ (bangun) adalah daripada Zaid itu sendiri. Tetapi dengan mengimbuhkan hamza^q di awal, bukanlah Zaid yang bangun dengan sendirinya tetapi orang lain yang membangunkannya.

1.2.2.2. *Muṭāwa'at* (المُطَوَّعَةُ)

Muṭāwa'at ialah menerima kesan daripada kata kerja awal قُوْلُ أَثْرِ الْفَعْلِ (). (Muhammad Yusriy Za'ir, 1989 : 238). Ia menjadikan kata kerja yang memerlukan objek (kata kerja *muta'addiy*) kepada kata kerja yang tidak memerlukan objek (kata kerja *lāzim* / complete verb). (Fakhruddin Qabāwati, 1994 : 112). Yakni, menjadikan kata kerja yang transitif kepada kata kerja tak transitif (middle voice). Contohnya : فَأَنْشَرَ بَشَرًا bermaksud (saya memberitahunya berita gembira maka gembiralah ia).

Dan juga فَأَنْظَرَ bermaksud (saya memberinya sarapan maka bersarapanlah ia).

Sibawayh menyatakan, pola أَفْعَلُ bagi *muṭāwa'at* adalah kurang digunakan. Contohnya : فَأَنْظَرَ (saya memberinya sarapan maka bersarapanlah ia). Ini bererti

pola أَفْعَلَ *mufāwa'a* bagi pola فَعَلَ iaitu فَطَرْتُهُ (saya memberinya sarapan) sebagai *fe'e'l muta'addiy* dan أَفْطَرْتُهُ bersarapanlah ia) sebagai *fe'e'l lāzim*.

(Sibawayh, t.t : 58)

1.2.2.3. *Ta'rid* (التَّرِيدُ)

Ta'rid ialah mendedahkan atau mengemukakan sesuatu perkara bagi tujuan “*al-hudath*” yakni mendedahkan dengan menyatakan sesuatu peristiwa (preterition).
(Muhammad Yusriy Za'ir , 1989 : 231)

Sibawayh menyatakan, pola (أَفْعَلْتُهُ) bermaksud mendedahkan atau mengumumkan sesuatu perkara. Contohnya : أَفْكَلْتُهُ (aku telah membunuhnya) daripada kata akarnya قَلَ (bunuh). Imbuhan hamzaq qatā` di awal bagi kata kerja ini membawa maksud mendedahkan peristiwa bunuh tersebut. (Sibawayh, t.t : 59). Contohnya lagi, أَبْعَثْتُ الْفَرَسَ (kudaku ini untuk dijual) yakni mendedahkannya atau mempamerkannya untuk dijual daripada asal kata kerja بَعْثَ (menjual). (Muhammad Yusriy Za'ir, 1989 : 231)

1.2.2.4. Menjadikan sesuatu (الصَّيْرُورَةُ)

Ia bermaksud menjadikan pelaku dengan sesuatu yang diambil daripada kata kerjanya. Contohnya : أَجْرَبَ الرَّجُلَ (lelaki itu jadi berkurap) asalnya الْجَرَبَ (kurap). Imbuhan hamza^q qata^r di awal pada kata kerja ini, bermaksud lelaki itu menjadi seorang yang berkurap (صارَ صَاحِبُ حُرْبٍ). Muhammad Yusriy Za'ir, 1989:

(232)

1.2.2.5. Melakukan sesuatu setelah sampai masanya. (الْاسْتِحْقَاقُ)

Contohnya : أَصْرَمَ التَّحْلَ (sampai waktu memotong kurma) daripada kata asalnya صرم (potong atau kerat) setelah diimbuhkan dengan konsonan hamza^q qata^r di awal, ia bermaksud kurma itu perlu dipotong . Dan juga أَحْصَدَ الزَّرْعَ (sudah sampai masanya untuk menuai tanaman) daripada asal kata kerja حَصَدَ (tuai). (Ibid, 1989 : 233)

1.2.2.6. Menunjukkan sudah masuk / sampai masa (الدُّخُولُ فِي الزَّمَانِ)

Contohnya : أَصْبَحْنَا (kami sudah masuk waktu pagi). Dan juga أَمْسَيْنَا yakni (kami sudah masuk waktu petang). Ianya diambil daripada الصَّبَّاحَ dan الْمَسَاءَ (pagi dan petang).

Namun begitu, terdapat juga makna yang menunjukkan kepada masuknya atau sampainya ke sesuatu tempat (الدَّخُولُ فِي الْمَكَانِ). Contohnya : أَنْجَدَ iaitu (telah sampai ke Najd) dan أَجْبَلَ iaitu (telah sampai ke bukit). Ianya diambil daripada التَّجْدُدُ (nama tempat di Arab Saudi) dan الجَبَلُ (bukit).

Ia juga bermaksud sesuatu yang diambil daripada kata pecahan (derivasi) (أَشْتُقْ مِنْ) . Contohnya : أَشْمَلَ (telah masuk angin timur) daripada timur) dan العَدَدُ (العَدَدُ). terdapat juga makna yang menunjukkan kepada sampai ke bilangan tertentu (العَدَدُ).

Contohnya : أَعْشَرَ (kesepuluh) yakni sampai ke bilangan sepuluh diambil daripada عَشَرَ (sepuluh). (Muḥammad Yusriy Za‘īr, 1989 : 234)

1.2.2.7. Spontan. (المصَادَفَةُ)

Muṣāḍafat bermaksud perilaku yang berlaku secara spontan atau tiba-tiba. Contohnya : أَحَمَدْتُ زَيْدًا (saya telah memuji-muji Zaid) yakni setelah mendapati Zaid seorang yang terpuji (صَادَفَهُ مَحْمُودًا) daripada kata asalnya (حَمْدٌ) (puji). (Ahmad al-Hamlawiy, 1965 : 41)

1.2.2.8. Memperbanyakkan (التكثير)

Ia bermaksud memperbanyakkan sesuatu pekerjaan atau perbuatan dengan melakukannya secara berulang-ulang. Contohnya : أَغْلَقْتُ الْبَابَ (saya menutupi pintu itu) yakni mengulangi perbuatan menutup pintu secara berulang-ulang daripada kata asalnya (tutup / menutup) ataupun menyatakan objek yang berbilang-bilang أَغْلَقْتُ

أَبْيَابَ (الأَبْيَابَ) (saya menutup pintu-pintu itu) yakni menutup banyak pintu. (Muḥammad Yusriy Za‘ir, 1989 : 235)

1.2.2.9. Menyampaikan / memberitahu tentang sesuatu perkara

(وَصُولَ الْحَدِيثِ الَّذِي يَذْلِلُ عَلَيْهِ (أَفْعَلَ) إِلَى الشَّيْءِ)

Ia bermaksud menceritakan keadaan yang telah berlaku kepada pelaku. Contohnya : أَغْلَقْتُ bermaksud (aku telah terlupa) daripada kata akarnya (lupa) yakni apabila kita menceritakan atau memberitahu keadaan kita lupa pada sesuatu benda. Sepertimana Firman Allah S.W.T. :

“ وَلَا تَطْعُمْ مَنْ أَغْفَلْنَا قَلْبَهُ عَنْ ذِكْرِنَا ” (Dan janganlah engkau turut orang yang kami telah lalaikan hatinya dari mengingat Kami). (surah al- Kahf ayat 28). (Ibid, 1989 : 236)

1.2.2.10. Pemberian / Anugerah (الْهِبَةُ)

Sibawayh menyatakan pola أَفْعَلَ juga bermaksud pemberian. Contohnya :

شَبَّيَهُ وَ أَشْفَيَهُ (saya telah memberinya ubat) daripada kata asalnya (sembuh)

(Sibawayh, t.t : 59) dan (آهَدَيْتُ الشَّيْءَ (aku telah menghadiahkannya sesuatu) yakni

memberikan sesuatu kepadanya, daripada kata asalnya (hadiah).

(Muhammad Yusriy Za'ir, 1989 : 237)

1.2.2.11. Menghilangkan sesuatu (السُّلْبُ)

Contohnya : أَشْكَيْتُهُ bermaksud (aku telah menghilangkan rasa dukanya)

daripada kata akarnya (شَكَا) (mengadu). Imbuhan pada kata kerja ini memberi maksud

menghilangkan sesuatu. (Ibid, 1989 : 238)

Jadual 1.4

**SEMANTIK KATA KERJA THULĀTHIY MAZID SATU KONSONAN
POLA أَفْعَلَ**

Bil	Aspek semantik kata kerja	Contoh Ayat
1	Pentransitifan (التَّعْدِيَةُ)	أَفْمَتُ رِيدًا (saya telah membangunkan Zaid)
2	<i>Muṭāwa'at</i> (الْمُطَلَّوَعَةُ)	بَشَرَهُ فَابْشِرَ (saya memberitahunya berita gembira <u>maka</u> gembiralah ia)
3	<i>Ta'rīd</i> (التَّعْرِيْضُ)	أَفْتَلَهُ (saya telah membunuhnya)
4	Menjadikan sesuatu (الصَّيْرُورَةُ)	أَجْرَبَ الرَّجُلَ (lelaki itu <u>jadi</u> berkurap)
5	Melakukan sesuatu setelah sampai masanya (الْاسْتِحْقَاقُ)	أَصْرَمَ النَّخْلَ (sampai waktu memotong kurma)
6	Menunjukkan sudah masuk waktu / sampai masa (الدُّخُولُ فِي الزَّمَانِ)	(أَصْبَحَنا) (kami sudah <u>masuk</u> waktu pagi)
7	Spontan (الْمُصَادَقَةُ)	أَحْمَدْتُ زَيْدًا (aku telah memuji-muji Zaid)
8	Memperbanyakkan (التَّكْثِيرُ)	أَغْلَقْتُ الْبَابَ (aku menutupi pintu itu)
9	Menyampaikan / memberitahu sesuatu perkara (وَصُولُ الْحَدَثِ الَّذِي يَدْلُّ عَلَيْهِ) (أَفْعَلْ إِلَى الشَّيْءِ)	أَغْفَلْتُ (aku telah terlupa)
10	Pemberian / anugerah (الْهِبَةُ)	شَفِّيَّةً وَأَشْفَفَيَّةً (saya telah memberinya ubat)
11	Menghilangkan sesuatu (السَّلْبُ)	أَشْكَنَيَّةَ (aku telah menghilangkan rasa dukanya)

1.3. Masdar Thulāthiy Mazid Dengan Imbuhan Alif Di Tengah Kata

(فَاعْلَ)

Masdar thulāthiy mazid dengan imbuhan alif di tengah kata terhasil daripada kata kerja thulāthiy mazid berimbuhan alif di tengah. Masdar ini terhasil dalam bentuk yang berbeza mengikut kategori kata kerja sahīh dan mu'tal.

1.3.1 Aspek Pola Bagi فَاعْلَ

Bagi pola فَاعْلَ masdarnya boleh dibentuk dalam dua wazan iaitu :

i. Pola (مُفَاعِلَة) contohnya : مُوَاصِلَةٌ وَمُحَادَلَةٌ .

ii. Pola (قِتَالٌ) contohnya : نِقَاشٌ وَقِتَالٌ .

Bagi perkataan yang mempunyai huruf 'illaŷ yā' di awal, lazimnya masdar dalam bentuk pola مُفَاعِلَةٌ. Contohnya، يَاسِرٌ (mempermudahkan) masdarnya مُبَاسِرَةٌ (pemudahan). ('Abd Ḥamîd al-Sayyid Muhammâd 'Abd al-Ḥamîd, t.t : 437). Bagi kategori kata kerja ini, masdarnya ditegah dalam bentuk pola فَاعْلَ . (Muṣṭafā al-Ghalāyīniy, 1995 : 168)

1.3.1.1 Pola فاعلٌ Bagi Kata Kerja Sahīh.

Kata kerja sahīh bagi kata kerja imbuhan alīf ditengah dikategorikan kepada tiga iaitu :

- i. Kata kerja yang lāmnya huruf sahīh.
 - ii. Kata kerja gandaan konsonan tengah .
 - iii. Kata kerja berhamzat
- a. Pola فاعلٌ bagi kata kerja yang lāmnya huruf sahīh. Contohnya :

<u>Kata Akar</u>	<u>Pola فاعلٌ</u>	<u>Masdar</u>	<u>Pola Masdar</u>
------------------	-------------------	---------------	--------------------

غَدَرٌ

غَادَرٌ

مُغَادِرَةً / غَادَارٌ

مُفَاعَلَةً / فَعَالٌ

(belot / khianat) (meninggalkan) (peninggalan)

b. Pola فاعلٌ bagi kata kerja gandaan konsonan tengah . Contohnya :

<u>Kata Akar</u>	<u>Pola فاعلٌ</u>	<u>Masdar</u>	<u>Pola Masdar</u>
------------------	-------------------	---------------	--------------------

ضَرَرٌ

ضَارَّ

مُضَارَّةً / ضَرَارٌ

مُفَاعَلَةً / فَعَالٌ

(mudarat) (memudaratkan) (kemudaratkan)

c. Pola فاعل bagi kata kerja berhamza

Kata kerja berhamza bagi kata kerja imbuhan alif di tengah dikategorikan kepada tiga iaitu :

- i. Kata kerja berhamza di awal
- ii. Kata kerja berhamza di tengah
- iii. Kata kerja berhamza di akhir

i. Kata kerja berhamza di awal. Contohnya :

<u>Kata Akar</u>	<u>Pola</u> فاعل	<u>Masdar</u>	<u>Pola Masdar</u>
أخذ	آخذ	مؤخدة	مُفَاعِلة
(ambil)	(menghukum)	(hukuman)	

ii. Kata kerja berhamza di tengah. Contohnya :

<u>Kata Akar</u>	<u>Pola</u> فاعل	<u>Masdar</u>	<u>Pola Masdar</u>
سأل	سأعل	مساءلة / مُسَائِلة	مُفَاعِلة
(meminta)	(memintai / memohonkan sesuatu)	(permintaan)	

iii. Kata kerja berhamza^ت di akhir. Contohnya :

<u>Kata Akar</u>	<u>Pola فاعل</u>	<u>Masdar</u>	<u>Pola Masdar</u>
بَطْلُونَ	بَاطِنٌ	بَاطَأَةٌ	مَفَاعِلَةٌ
(lambat)	(memperlambat)	(kelambatan)	

1.3.1.2. Pola فاعل Bagi Kata Kerja Mu'tal.

Kata kerja mu'tal bagi kata kerja imbuhan alif di tengah dikategorikan kepada lima iaitu :

- i. Mu'tal awal
- ii. Mu'tal tengah
- iii. Mu'tal akhir
- iv. Mu'tal awal dan akhir
- v. Mu'tal tengah dan akhir

a. Pola فاعل bagi kata kerja mu'tal awal . Contohnya :

<u>Kata Akar</u>	<u>Pola فاعل</u>	<u>Masdar</u>	<u>Pola Masdar</u>
يَسِّرَ	يَاسِرٌ	مُيَاسِرَةٌ	مُفَاعِلَةٌ
(mudah)	(mempermudahkan)	(pemudahan)	

b. Pola فَاعِلٌ bagi kata kerja mu'tal tengah. Contohnya :

<u>Kata Akar</u>	<u>Pola فَاعِلٌ</u>	<u>Masdar</u>	<u>Pola Masdar</u>
بَاعَ	بَايَعَ	مُبَايَعَةً / بِيَاعَ	مُفَاعَلَةً / فِعَالٌ
(menjual / berjual)	(berjualan)	(penjualan)	

c. Pola فَاعِلٌ bagi kata kerja mu'tal akhir. Contohnya :

<u>Kata Akar</u>	<u>Pola فَاعِلٌ</u>	<u>Masdar</u>	<u>Pola Masdar</u>
نَادَى	نَادَى	مُنَادَاهٌ / نِدَاءً	مُفَاعَلَةً / فِعَالٌ
(menyeru)	(menyerukan)	(penyeruan)	

d. Pola فَاعِلٌ bagi kata kerja mu'tal awal dan akhir. Contohnya :

<u>Kata Akar</u>	<u>Pola فَاعِلٌ</u>	<u>Masdar</u>	<u>Pola Masdar</u>
أَخْيَ	وَاحَدٌ	مُؤَاخَّةً / إِخَاءً	مُفَاعَلَةً / فِعَالٌ
(saudara)	(bersahabat)	(persahabatan)	

e. Pola فَاعِلٌ bagi kata kerja mu'tal tengah dan akhir. Contohnya :

<u>Kata Akar</u>	<u>Pola</u> فَاعِلٌ	<u>Masdar</u>	<u>Pola Masdar</u>
ذوِي	دَاوِي	مُذَاوَأة / دِوَاء	مُفَاعَلَة / فِعَالٌ
(sakit)	(mengubati)	(perubatan)	

1.3.1.3. Kesimpulan

Daripada contoh-contoh di atas, pola masdar bagi kata kerja فَاعِلٌ dalam dua bentuk pola iaitu مُفَاعَلَة dan فِعَالٌ. Kedua-dua pola ini adalah banyak digunakan pada semua bahagian kata kerja kecuali kata kerja mu'tal konsonan yā' di awal masdarnya dalam bentuk pola مُفَاعَلَة . ('Abd. Ḥamīd al-Sayyid Muḥammad 'Abd. al-Ḥamīd, t.t : 590)

Jadual 1.5

KATA KERJA THULĀTHIY MAZĪD SATU KONSONAN POLA فَاعِلٌ DAN MASDAR

Kategori Kata Kerja	Kata Akar	K/ K Thulāthiy Mazīd	Masdar	
1) Ṣaḥīḥ	فعل	Thulāthiy Mazīd Satu Konsonan فَاعِلٌ	مُفَاعَلَة	فِعَالٌ
Ṣaḥīḥ Sālim	غَدَرٌ	غَادَرٌ	مُغَادَرَة	غَدَارٌ
Gandaan Konsonan Tengah	ضَرَّ	ضَارٌ	مُضَارَّة	ضِرَّارٌ

Jadual 1.5 (sambungan)

Mahmūz Awal	أخذَ	أخذَ	مؤاخذة	
Mahmūz Tengah	سأَلَ	سأَلَ	/ مُسَائِلةً / مُسَائِلةً	
Mahmūz Akhir	بَطَّوْ	بَاطَّا	مُبَاطَّأَة	
2) Mu'tal				
Mu'tal Awal	يَسَرَّ	يَاسَرَ	مُيَاسِرَة	
Mu'tal Tengah	يَابَعَ	يَابَعَ	مُبَيَاعَة	بِياع
Mu'tal Akhir	نَدَى	نَادَى	مُنَادَاهَة	نِدَاء
Mu'tal Awal dan Akhir	آخَى	وَآخَى	مُؤَاخَاهَة	إِخَاء
Mu'tal Tengah dan Akhir	دَوَى	دَاوَى	مُدَنَواهَة	دواء

1.3.2. Aspek Semantik Bagi فَاغُلْ

Aspek semantik bagi kata kerja imbuhan alif di tengah bertujuan menghuraikan makna-makna yang terhasil dari pola ini. Dengan adanya imbuhan alif di tengah semantiknya berubah daripada kata kerja asalnya. Contohnya perkataan ذَهَبَ bermaksud telah pergi tetapi apabila kita berkata ذَاهَبَ ia berubah maksudnya daripada asal kata kerja iaitu **saling berpergian**.

Aspek semantik yang terhasil daripada pola ini juga adalah beraneka mengikut situasi penggunaan ayat. Oleh yang demikian, penulis cuba menghuraikan semantik yang terhasil daripada pola ini seperti di bawah.

1.3.2.1. Penyalingan (المُشَارِكَة)

Penyalingan ialah sesuatu perbuatan yang dinisbahkan kepada pelaku dan objek.

Yakni perkongsian keduanya pada sesuatu pekerjaan. Contohnya : جَادَلْ زَيْدٌ عُمَرًا

(Zaid berdebat dengan ‘Umar) yakni Zaid dan ‘Umar saling berdebat daripada kata kerja asalnya جَدَلْ (debat). Konsonan Alif pada جَادَلْ adalah untuk dua pihak (*muthanna*). (Fakhruddin Qabāwaṭ, 1994 : 115) dan صَارَتْهُ (saya berpukulan dengannya) yakni saling berpukulan daripada kata asalnya ضَرَبَ (pukul) dan juga فَارَقْتُهُ (Aku telah berpisah dengannya) yakni saling berpisah.

Sekiranya perkataan tersebut adalah daripada kata kerja tak transitif (*Izim*) iaanya akan berubah kepada kata kerja transitif (*muta'addiy*). Contohnya : جَالَسَ (sama-sama duduk) daripada kata asalnya جَلَسَ (duduk). (Fakhruddin Qabāwaṭ, 1994 : 115).

1.3.2.2. Memperbanyakkan (التكثير).

Ia bermaksud memperbanyakkan sesuatu pekerjaan atau perbuatan. Contohnya : ضَاعَفْتُ (saya menggandakannya) daripada kata kerja asalnya ضَعَفَ (ganda) dan تَاعِنْتُ (saya merasa sangat senang) daripada kata kerja asalnya تَعِنَّ (senang). (Muhammad Yusriy Za'ir, 1989 : 245)

1.3.2.3. Kepalingan (المبالغة)

Kepalingan ialah berlebih-lebihan dalam menyatakan atau menyifatkan sesuatu (hyperbole). Contohnya حَازَ (dia melampaui) daripada kata asalnya حَازَ (melampaui / melebihi). (Fakhruddin Qabawat, 1994 : 115)

1.3.2.4. Menjadikan sesuatu seperti asal (جَعَلَ الشَّيْءَ ذَأَصْلِهِ)

Contohnya عَاقَبَتُ الْفَلَانَ (saya telah menyeksa seseorang). Yakni, menjadikan pelaku sebagai orang yang disiksa daripada kata kerja akar عَقَبَ (yang sebelumnya). (Muhammad Yusriy Za'ir, 1989 : 246)

Jadual 1.6

فَاعِلٌ SEMANTIK KATA KERJA THULĀTHIY MAZID SATU KONSONAN POLA

Bil	Aspek semantik kata kerja	Contoh Ayat
1	Penyalingan (المُسَارِكَة)	جَادَلَ زَيْدٌ عُمَرًا (Zaid berdebat dengan 'Umar)
2	Memperbanyakkan (التَّكْثِيرُ)	ضَاعَفْتُ (saya menggandakannya)
3	Kepalingan (المُبَالَغَة)	جَازَ (dia melampaui)
4	Menjadikan sesuatu seperti asal (جَعَلَ الشَّيْءَ ذَأَصْلِهِ)	عَاقَبَتُ فَلَانًا (saya telah menyeksa seseorang)